

Headline	HKU IPT penyelidikan kedua terbaik di Asia	Language	Malay
Date	31 Dec 2009	Page No	25
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	323 cm²
Section	Hip	Color	Full Color
Journalist	Rosniza Mohd Taha	ADValue	6,852
Frequency	Daily	PRValue	20,555
Circ / Read	192,917 / 1,521,000		



HKU IPT penyelidikan kedua terbaik di Asia

INSTITUSI pengajian tinggi (IPT) tertua di Hong Kong, Universiti Hong Kong (HKU) kini dianggap sebagai universiti kedua terbaik di Asia selepas Universiti Tokyo, Jepun setelah menduduki tempat ke-24 dalam penarafan Times Higher Education - Quacquarelli Symonds 2009.

Antara faktor utama kejayaan HKU mengungguli penarafan antarabangsa itu adalah aktiviti penyelidikan dinamik dan menyeluruh dijalankan di 35 pusat penyelidikannya dengan memanfaatkan kepakaran ahli akademik daripada 10 fakulti pengajian.

Sebagai anggota konsortium antarabangsa universiti penyelidikan, Universitas 21, HKU menerima dana penyelidikan tinggi daripada badan itu berbanding IPT negara barat yang menyertainya.

Di peringkat kebangsaan pula, sejak 1991, Jawatankuasa Geran Penyelidikan Hong Kong menganugerahkan RM395 juta dana penyelidikan kepada

HKU, iaitu jumlah tertinggi berbanding yang diberikan kepada lapan IPT penyelidikan lain di negara itu.

Selain kerjasama penyelidikan dengan IPT tempatan, HKU turut aktif menjalankan kajian bersama institut penyelidikan luar negara termasuk menerusi projek Institut Aids dan Pusat Penyelidikan Pasteur-HKU.

Institut Aids dibangunkan bersama Pusat Penyelidikan Aaron Diamond Aids, New York bagi menjalankan kajian mengenai terapi baru jangkitan HIV serta penghasilan vaksin Aids.

Pusat Penyelidikan Pasteur-HKU pula membabitkan kerjasama dengan Institut Pasteur Paris mengenai genom mikrobial dalam usaha menangani penyakit berjangkit.

Kaedah pembelajaran inovatif, graduan serba boleh dan berciri kepemimpinan tinggi turut menjadi identiti universiti itu yang kini mempunyai lebih 20,500 pelajar dan 2,250

kakitangan akademik tempatan serta antarabangsa.

Sejumlah 45 peratus kakitangan akademik universiti yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar itu adalah dari luar negara, kebanyakannya universiti perdana United

Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia, sementara 10 peratus pelajar antarabangsanya dari 40 negara.

Menjadikan pembangunan menyeluruh sebagai pendekatan pendidikan, HKU turut menekankan pembelajaran dan daya saing dalam kehidupan selain pencapaian akademik pelajarannya.

Pembangunan daya saing pelajar ini dilaksanakan dengan mendedahkan pelajar pengalaman merentas sempadan termasuk menerusi penyertaan dalam program kerjasama dan pertukaran pelajar antarabangsa dengan lebih 400 organisasi seluruh dunia.

Sempena ulang tahun-

nya ke-100 pada 2011, HKU akan meluaskan operasinya di kampus terbaru, Centennial Campus, yang bakal menempatkan beberapa bangunan akademik Fakulti Seni, Sains Sosial dan Perundangan selain kemudahan rekreasi dan infrastruktur moden.

Pewujudan kampus baru itu bagi memenuhi sasaran peningkatan pelajar sebanyak 40 peratus berikutan pengenalan lebih banyak program siswazah dan pengambilan pelajar antarabangsa.



HKU menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantar dalam pembelajaran.